

- (b) Penilaian Interim yang pertama mestilah dibuat tidak lewat dari satu bulan dari tarikh milik tapak bina.
- (c) Cara penilaian yang akan dilaksanakan hendaklah menurut peruntukan kontrak dan wajar diterangkan kepada Kontraktor bagi mengelakkan pertikaian dan dijadikan asas untuk penilaian bayaran interim.
- (d) Kaedah penilaian bagi "Kerja Awalan" atau "Perkara-perkara Am" boleh dibuat seperti berikut;
 - (i) Bayaran permulaan / *initial payment*
 - (ii) Bayaran kemajuan / *recurring payment* (berdasarkan tempoh masa atau kemajuan kerja)
 - (iii) Bayaran selepas kerja siap / *final payment*
- (e) Nilai Kerja Pembina (*Builder's Work*) yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dinilai berdasarkan kemajuan kerja di tapak oleh Wakil P.P..
- (f) Semua penilaian kerja-kerja pakar yang dibuat oleh Wakil P.P. (Pakar) hendaklah sampai kepada Wakil P.P. (Utama)/ Wakil P.P. (Ukur Bahan) pada/sebelum tarikh penilaian interim yang telah dipersetujui.
- (g) Hanya kerja-kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna menurut peruntukan Kontrak dimasukkan ke dalam Penilaian Perakuan Bayaran Interim.
- (h) Penilaian kepada Bahan/ Barang-Barang Takpasang
 - (i) Kontraktor Utama

Selaras dengan Syarat-syarat Kontrak, nilai bahan atau barang-barang takpasang yang boleh diambilkira dalam penilaian adalah sehingga 90% tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

 - (1) Diberi perlindungan yang cukup daripada kerosakan